

Tentera perlu bersikap profesional: PM

PORT DICKSON. Isnin Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan pentingnya anggota tentera jangan mencampurkan adukkan pemikiran mereka sehingga boleh mempengaruhi tugas seharian walaupun mempunyai pendidikan atau pendapat berlainan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mewujudkan pasukan tentera serba lengkap dari segi persenjataan dan terlatih dalam bidang peperangan, tetapi sikap juga amat penting kerana sebagai badan profesional, tugas mereka ialah mempertahankan negara mengikut arahan kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Beliau yakin semua anggota tentera faham pentingnya mereka bersikap profesional selain mempunyai disiplin tinggi untuk menghadapi pelbagai cabaran baru.

"Kita tidak mungkin dapat mempertahankan ne-

gara kalau kita tidak berdisiplin kerana badan yang tidak berdisiplin tidak mungkin dapat menjalankan sesuatu tugas dengan jayanya.

"Kita bersyukur kerana di Malaysia, tentera kita masih tentera sukarelawan dan bukan paksaan seperti di sesetengah negara lain yang mana setiap rakyat dan keluarga perlu dilatih sebagai tentera dan menjadi tentera simpanan untuk masa peperangan.

"Tetapi di Malaysia walaupun kita tidak ada undang-undang yang memaksa rakyat Malaysia untuk memikul senjata dan mempertahankan negara, Alhamdulillah kita dapati ramai rakyat kita menyertai pasukan tentera dan memikul tanggungjawab mempertahankan negara, walaupun dengan nyawa sendiri.

"Ini adalah kelebihan negara kita dan rakyat Malaysia harus bersyukur dengan kecanggapan be-

gini apabila ramai anak muda Malaysia sanggup memikul senjata untuk mempertahankan kemerdekaan negara kita," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika menyempurnakan upacara perbarisan tamat latihan 1,957 bakal perajurit muda yang menamatkan latihan asas rekrut siri ke-147 di Pusat Latihan Asas Tentera Darat (Pusasda) di sini, hari ini.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohd Najih Tun Razak; Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad; Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Yhafie Apdal; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zahidi Zainuddin; dan Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Md Hashim Hussein.

Perdana Menteri yang memakai uniform tentera turut memeriksa perbari-

san dan menyampaikan hadiah kepada Rekrut Keseluruhan/Kawad Terbaik, Rekrut Akademik Terbaik, dan Rekrut Penembak Terbaik.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, pentingnya mengetahui cara baru melawan serangan pengganas yang tidak diketahui dan negara akan hinasa jika tidak dapat ditangani walaupun anggota tentera adalah golongan terlatih selain dilengkapi senjata untuk berperang.

Beliau yang turut menarik perhatian dengan peristiwa serangan New York 11 September dengan berkata, tidak ada tempat bagi pengagris mencapai perjuangan mereka.

Katanya, memang ada mereka berjuang untuk sesuatu yang mulia seperti mempertahankan wilayah atau bangsa, tetapi mereka tidak ada hak menggunakan cara yang ganas.

Oleh itu, katanya, ang-

gota tentera juga perlu belajar bagaimana mempertahankan negara daripada pengganas yang bertindak bukan ala tentera, tetapi cara mereka sendiri.

"Kita dapat menyelamatkan negara kita ini daripada pengganas ini tetapi sekarang ini kita lihat ada pula kumpulan lain yang ingin menggunakan cara ganas untuk merampas kuasa.

"Alhamdulillah, kita dapat menewaskan mereka, tetapi jangan kita percaya hahawa tidak akan ada percubaan lagi oleh mereka untuk menggunakan cara yang ganas ini untuk meniadakan kebebasan negara kita.

"Oleh itu, kita perlu bersikap penuh disiplin dan sanggup menentang dan menewaskan siapa saja yang cuba menjejaskan negara kita supaya kita semua akan hidup selesa dalam negara yang bertuah ini.

"Saya berasa amat bang-

ga kerana kehelehan rakyat dalam ketenteraan dan bidang perisikan dan lain-lain kerana hanya dengan kecekapan ini dapat kita menentukan negara kita terus bebas clan merdeka," katanya.

Beliau turut memberitahu mengenai percubaan haru untuk menakluk negara yang lemah bukan dengan cara ketenteraan, tetapi dengan cara lain termasuk mengenakan tekanan ekonomi.

"Justeru, rakyat mestilah sanggup hekerjasama dan bersatu padu untuk mempertahankan negara kita ini.

"Kalau kita membenarkan diri kita dijajah semula maka kebebasan kita untuk menentukan nasib kita sudah tentu akan tamat. Kita sekali lagi akan menjadi hamba kepada orang lain, tetapi saya yakin tidak ada rakyat Malaysia yang sanggup menjadi hamba kepada orang lain sekali lagi," katanya.